

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JUNE 2016

Gesa kurangkan tunggakan hasil negeri

BH-15/6/2016

➔ MKN tubuh jawatankuasa kenal pasti langkah selesai pinjaman tertunggak

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

► Putrajaya

Majlis Kewangan Negara (MKN) mahu semua kerajaan negeri mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan tunggakan kutipan hasil negeri yang secara puratanya RM2 bilion setahun bagi tempoh 2011-2015.

Datuk Seri Najib Razak yang

mempengerusikan mesyuarat MKN, semalam, berkata majlis bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Hasil Negeri kepada kerajaan negeri bagi mengelakkan tunggakan kutipan hasil negeri bertambah serius.

Perdana Menteri berkata, MKN juga bersetuju Jawatankuasa Pemulihan Pinjaman (LRC) diterajui Kementerian Kewangan ditubuhkan untuk mengenal pasti pinjaman tertunggak dan mencadangkan tindakan penyelesaian.

Lapor tindakan penyelesaian

“Jawatankuasa itu akan memantau dan laporkan kepada MKN mengenai tindakan penyelesaian tunggakan pinjaman yang dilaksanakan kerajaan negeri. Antara inisiatif yang sudah dilaksanakan termasuk pemberian insentif pembayaran cukai awal sebanyak 10 peratus serta penyediaan van kaunter hasil bergerak.

“MKN juga bersetuju supaya Ke-

Fakta nombor

Caruman kumpulan wang rizab negeri

RM580 JUTA
pada 2016

RM530 JUTA
pada 2017

RM330 JUTA
pada 2018

rajaan Persekutuan menyediakan caruman kepada Kumpulan Wang Rizab Negeri (KWRN) sebanyak RM330 juta sebagai caruman tahun 2018 bagi membiaya Pemberian Kepada Negeri-Negeri Yang Menghadapi Kekurangan Wang Dalam Akaun Mengurus.

“Ta turut diguna bagi membiaya Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP),” katanya selepas mesyuarat MKN di sini, semalam.

Mesyuarat tiga jam itu dihadiri semua Ketua Menteri dan Menteri Besar, kecuali Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, selain Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Irwan Serigar Abdullah.

Najib berkata, antara masalah besar tunggakan kutipan hasil ialah kehilangan air tidak berhasil

(NRW) terutama di Sabah, akibat kecurian air oleh pendatang asing, selain perumahan awam yang tidak membayar cukai taksiran.

“Walaupun ada syor kita potong pemberian tahunan tahun berikutnya (kepada kerajaan negeri) dan ada juga lebih drastik iaitu minta cagaran dan sebagainya. Kita akan bincang, berunding dengan kerajaan negeri bagi mencapai kata sepakat macam mana kita dapat kurangkan tunggakan.

“LRC yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan bincangkan kaedah terbaik dengan wakil kerajaan negeri,” katanya.

Perdana Menteri berkata, MKN juga dimaklumkan prestasi perbelanjaan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (Pemberian MARRIS) oleh kerajaan negeri bertambah baik.

Pada 2015, prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 110.4 peratus, lebih tinggi berbanding 91.3 peratus pada tahun 2014.